PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN

Sektor perbankan terus memperlihatkan daya tahan yang kukuh pada suku pertama 2008, disokong oleh permodalan dan keberuntungan yang kukuh. Bersama-sama dengan penurunan paras pinjaman tak berbayar (*non-performing loans*, NPL) yang berterusan, institusi perbankan berada pada kedudukan yang teguh untuk terus menyokong aktiviti ekonomi.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh

Nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio*, RWCR) dan nisbah modal teras (*core capital ratio*, CCR) sistem perbankan, masing-masing pada 13.2% dan 10.2%, berikutan pelaksanaan Pendekatan *Standardised* Basel II (Basel II Standardised Approach) mulai 1 Januari 2008. Pada suku pertama, modal asas berkembang 3.5% ekoran penubuhan sebuah subsidiari perbankan Islam dan sebuah bank pelaburan serta terbitan hutang subordinat.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2007				2008
	S1	S2	S3	S4	S1
Modal					
CCR (%)	10.4	10.8	10.3	10.2	10.2
RWCR (%)	13.1	13.9	13.2	13.2	13.2

Keberuntungan mampan daripada pelbagai sumber pendapatan

Pada suku pertama, sistem perbankan mencatat pertumbuhan 7.1% bagi keuntungan sebelum cukai yang belum teraudit (*pre-tax profit*, PBT), kepada RM5.7 bilion (S4 2007: RM5.3 bilion). Paras PBT terus stabil disebabkan oleh hasil yang terus dijana daripada aktiviti berkaitan dengan pembiayaan dan perkhidmatan pengurusan kekayaan. Hasilnya, pulangan tahunan purata atas aset dan ekuiti bertambah baik, masing-masing kepada 1.8% (S4 2007: 1.5%) dan 23.5% (S4 2007: 19.8%).

Paras NPL terus menurun

Paras NPL sistem perbankan terus bertambah baik pada suku pertama. Jumlah NPL bersih berasaskan klasifikasi 3 bulan terus menurun 5.2% kepada RM19 bilion (S4 2007: RM20.1 bilion) untuk mencakupi 3% daripada jumlah pinjaman bersih (S4 2007: 3.2%). Ini disebabkan terutamanya oleh kutipan balik pinjaman dan pengelasan semula NPL menjadi status berbayar serta hapus kira yang berterusan pada suku pertama. Nisbah NPL terus bertambah baik kepada 2.9% pada 30 April 2008.

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar

